



Kakitangan Utusan Melayu sebulan lebih telah mogok. Bukan mogok soal gaji tetapi soal kerja. Kerana itu di situ timbul dua golongan atau dua pihak – menyertai perusahaan (majikan) dan menyertai pemogokan. Apabila berpihak maka tentulah perang tanding berlaku.... dan kisah-kisah apa ada di belakang semuanya masing-masing bongkar... dan kerana itu orang-orang ramai berkata:

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Dalam kejadian mogok ini: yang tak terang jadi terang yang tak nampak jadi nampak. Qalam dan Warta dahulu telah disaman oleh Utusan Melayu Press (sudah berdamai – P) kerana Warta dengan tegas menyatakan akhbar itu *Socialist Kiri (Communist)*. Masa itu Bung Damak pegang peranan besar sedang masa itu baru jadi orang kecil. Kedua-duanya orang Singapura dan.... duduk di dalam satu perahu. Sekarang kedua-duanya perang dan bongkar-membongkar sehingga orang ramai berkata:

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Bung Damak, kata bung Badang, besar-besarkan dan sokong kuat pemogok. Lalu bung Badang terangkan bahawa bung Damak ialah pengasas PETIR Singapura. Mengata dulang paku serpih – bung Badang juga sama-sama di dalam PETIR. Tetapi pengertian *Socialist Kanan* dan *Socialist Kirinya*, ya Bung Badang. Kan Perdana Menteri Lee Kuan Yew sudah kasi bersih orang-orangnya – mana-mana yang Kiri dibersihkan supaya yang tinggal semuanya Kanan. Kalau Bung Damak masih di PETIR – apakah masih Kiri? Kalau Kiri tentu diketepikan oleh Perdana Menteri Lee Kuan Yew.

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Orang mula-mula samar-samar apa betulkah mogok ada latar belakangnya. Tetapi takdir mendatang. Komrad Melan

Abdullah, pengasas Parti Rakyat, yang katanya sudah terdidik dan dilatih secara *Communist*, dibuang dari Parti sebab dia menyalahi majikan dan tidak ikut pemogok. Ringkasnya Komrad Melan tidak mau sama-sama komrad lain. Peristiwa ini menerangkan lagi yang sudah terang – apa yang ada di dalam akhbar yang bersempoyan kerana bangsa, negara dan **agama**. Apa yang ada kepada agama?

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Untuk ini Komrad Melan Abdullah menyatakan: “Pada mulutnya (orang Socialist itu? – P), tidak mengakui adanya Tuhan, tetapi apakala hendak nikah kahwin meraba-raba mencari kadi atau jurunikah, belajar mengucap dua kalimah syahadah.” Benar Komrad: Benar! Kan dahulu banyak yang belajar mengucap kerana hendak kahwin, kalau tidak perempuan atau keluarga yang hendak dijadikan isteri tidak mau menerimanya! Bagaimana fikiran Damak dalam perkara ini?

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Sungguh bagi orang-orang seperti ini, kalau hendak kahwin tidak payah sebab ada juga ustaz-ustaz Socialist yang berkata ia ahli agama! Mereka berlagak-lagak untuk memodenkan agama, membaharui dan mensesuaian pelajaran agama! Tetapi kerja mereka yang sebenarnya menggantung dalam lipatan – mencari jalan memecah-mecahkan perpaduan orang-orang Islam supaya orang-orang Sosialis tidak bertuhan itu dan anti-Tuhan itu dapat diterima oleh rakyat Islam di negeri ini. Hal ini lebih terang dapat dilihat kalau mereka siarkan ayat-ayat Quran selalu benar (harus juga disenghaja – P) dibuat salah tulisannya. Untuk ini hendaklah orang bertanya kepada Pak Abu kerana ia jadi ustaz. Bagaimana bung Bujang punya fikiran?

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Alkisah maka berfatwalah akan Pak Abu dan rakan-rakannya, bahawa tidak berguna membaca al-Qur`an dengan tidak tahu akan erti dan maknanya. Kita seperti burung Tiong sahaja sedang bahasa Arab itu bahasa padang pasir – tidak mustahak dipelajari. Kalau ada orang anjurkan jadi bahasa rasmi mesti dibantah, lawan keras. Lagu-lagu dari padang pasir jangan diperdengarkan lagi. Habis lagu apa?

Sambungannya pada muka 39

Kopi Pahit

Sambungan dari muka 2

jawabnya lagu kebudayaan bangsa dan nusa. Apa dia? Lagu-lagu Hindu dengan syair-syair yang syirik bahkan pembawanya mesti dipuja! Dengan fatwa semacam inilah akan dapat dilihat bahawa Quran jangan disuruh baca, bahasa Arab jangan dipelajari supaya Quran jangan difaham dan dimengerti, yang difaham dan dimengerti biar hanya daripada bahasa Melayu sahaja – sebab itulah selalu hejaan al-Qur’ān diubah, nama-nama orang tidak tahu lagi ditulis oleh “ustaz-ustaz” di situ! Bagaimana Bung Badang? Mudah-mudahan Pak Abu dapat berfatwa lagi.

Ahem! Ahem! Aku taulah?!

* * *

Walhasil, segala kejadian ada sebab-musababnya. Sebab-musabab itu dapat menunjukkan perkara yang samar jadi terang, yang difitnah jadi bersih, bersih daripada segala kekotoran; dan umat Melayu yang beragama Islam telah diperlihatkan Tuhan usul-asal sesuatu dan dapat memikirkan bahawa selama ini rupanya ada “latar belakang” atau ada sesuatu di belakang tujuan-tujuan yang dipergunakan untuk mempengaruhi umat Melayu yang beragama Islam. Apa tidakkah hak orang Melayu telah dijadikan alat-alat yang bakal menjajah agama dan akan menghapuskan kecintaan kepada agama dengan menggunakan “ustaz-ustaz” di dalam sesuatu cita-cita? Kalau mau tau tanya sama

Cemeti al-Farouk.



Alkisah

Di dalam suatu perayaan menyambut hari kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos, seorang juruhebah berkata:

Ketua Panitia diapit oleh Asnavat dan Asmilit diminta supaya datang ke muka menyampaikan Sang Saka Merah Putih kepada Coungen.

Sejurus lamanya ketiga-tiga orang yang diminta tampil ke hadapan itu pun bersiap hendak pergi. Seorang lain yang berkain yang hadir di situ pun mau pergi sama. Orang berkawal di situ berkata: Eh! Bung ke mana mau pergi.”

Orang itu menjawab: “Tadi kan Asnavat dan Asmilit dipanggil dan saya seharusnya datang kerana nama saya Asnawi.”

Orang-orang hairan – siapakah Asnavat dan siapa Asmilit dan siapa Coungen?

Khairanan ini adalah kerana sekarang di Indonesia memakai kata-kata potongnya:

Asnavat ertinya *Assistant Naval Attache*

Asmilit ertinya *Assistant Military Attache*

Coungen ertinya *Council General*

Asnawi – iaitu namanya sendiri.

* * *

Utusan Melayu, di dalam rencana pengarangnya mengenai hal-hal keadaan pemogokan Utusan dengan terang menyatakan bahawa ia baharu sekarang sedar akan apa yang ada berlaku di sekeliling kakitangannya. Katanya:

“...adalah di luar pengetahuan kita yang sebenarnya bahawa selama ini (iaitu sebelum berlaku perubahan yang baru di dalam Utusan Melayu) Utusan Melayu ini telah digunakan untuk kepentingan Parti Rakyat dan rakan-rakan sefahaman dengannya sehingga berlakunya reaksi Parti Rakyat dan Parti Buruh....”

Al-hamdu liLlāh sekarang baharu sedar tetapi pihak lain telah menyedari lama dahulu semenjak dari tahun 1951.

Apa tidakkah Utusan memerhati bukti-bukti yang nyata lebih terang daripada siang apa yang ada dan apa yang terjadi.

Mā shā’a Allāh baharu sekarang sedar tetapi disyukuri juga daripada tidak sedar.